

# Senarai Alert List AMBD Ogos 2020

Siaran Akhbar : Autoriti Monetari Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 28 Ogos. - Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) ingin memaklumkan orang ramai bahawa Alert List AMBD telah dikemaskinikan.

Alert List AMBD adalah senarai individu, syarikat dan laman sesawang yang tidak diberikan kebenaran atau kelulusan, di bawah undang-undang dan peraturan-peraturan di bawah kawalan AMBD atau mana-mana aktiviti yang menimbulkan kecurigaan akan berlaku aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Senarai tersebut adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh AMBD mengenai aktiviti - aktiviti syarikat berkenaan.

AMBD juga ingin

memaklumkan orang ramai bahawa individu, syarikat atau entiti yang dimasukkan ke dalam Alert List AMBD bagi bulan Ogos 2020 adalah seperti berikut, iaitu JAA Lifestyle; Khalifa BHH (FB Profile) (7312759); dan Siti Hardiana (8879442) / Tarik Gaji (Invest 2020) / Invest Pusing Lagi / Company Eljojo / Invest Syarikat Fazfar Enterprise.

Alert List AMBD yang telah dikemaskinikan boleh didapati melalui Laman Sesawang AMBD, [www.ambd.gov.bn](http://www.ambd.gov.bn).

Senarai syarikat-syarikat dan individu-individu yang dilesenkan oleh AMBD juga boleh didapati di laman sesawang sama.

AMBD ingin menasihati orang ramai supaya tidak berurusan dengan mana-mana entiti

atau individu yang menjalankan aktiviti - aktiviti kewangan tidak berlesen atau disyaki mengandungi unsur-unsur skim cepat kaya dan skim piramid.

Antara perkhidmatan di bawah bidang kuasa AMBD, termasuk penukaran wang; pengiriman wang; dan pinjaman wang.

Jika berurusan bersama entiti atau syarikat atau individu yang tidak dikawal selia oleh AMBD, orang ramai tidak akan dilindungi di bawah rangka kerja penyeliaan yang ditadbir oleh AMBD.

AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan juga kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam.

AMBD akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang

## Tarikh tutup bagi Pengambilan Pusingan Kedua HECAS dilanjutkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Ogos. - Pengambilan Pusingan Kedua HECAS 2020 secara dalam talian bagi kemasukan ke Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Politeknik Brunei (PB) bagi Tahun Akademik 2020 / 2021 akan dilanjutkan pada Khamis, 10 September 2020, jam 3.00 petang.

Sebelum tarikh tutup HECAS, pemohon adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran tertunggak melalui BIBD Mobile Application atau secara tunai di kaunter pembayaran di Tingkat 1, Blok 'B', Unit Tunai dan Hasil, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Selepas membuat pembayaran tersebut, hadapkan permohonan awda secara dalam talian atau dokumen yang berkenaan (*hardcopy*) yang diperlukan dalam 'Institution Checklist'.

Bagi keterangan lanjut, sila layari Laman Sesawang Kementerian Pendidikan di <http://moe.gov.bn> atau Laman Sesawang HECAS yang baharu di [hecas.moe.gov.bn](http://hecas.moe.gov.bn).

Untuk sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HECAS melalui e-mel di [ask.hecas@moe.gov.bn](mailto:ask.hecas@moe.gov.bn) atau melalui nombor telefon +673 2381992 atau +673 2381224 semasa waktu pejabat.

mencurigakan atau tidak berlesen aktiviti yang tidak berlesen, di Negara Brunei Darussalam. hubungi AMBD menerusi talian

Jika orang ramai mempunyai +673 2380007 atau e-mel ke sebarang maklumat mengenai [fci@ambd.gov.bn](mailto:fci@ambd.gov.bn).

# Taklimat memfokuskan perkembangan ekonomi negara



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (kiri) semasa menerima buku daripada Penolong Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Awang Abdurrahman bin Abdul Aziz (kanan). Sementara gambar kanan, Pegawai Eksekutif BEDB, Dayang Samantha binti Haji Ali semasa memberikan taklimat.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 27 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan satu sesi taklimat bersama Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Hadir semasa sesi taklimat berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Penolong Ketua Pegawai Eksekutif BEDB, Awang Abdurrahman bin Abdul Aziz dan Pegawai Eksekutif BEDB, Dayang Samantha binti Haji Ali.

Antara tujuan taklimat diadakan adalah untuk memberi maklumat dan kefahaman dalam kalangan ahli akademik mengenai statistik

dan perkembangan ekonomi negara yang terkini, di samping memberi peluang untuk berinteraksi dan mewujudkan perbincangan dua hala bagi isu-isu ekonomi yang dihadapi, yang memerlukan komitmen berterusan dari berbagai pihak.

Dalam sesi taklimat tersebut, wakil dari BEDB mengongsikan peranan organisasi itu dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 yang ingin menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah negara yang berekonomi dinamik dan berdaya tahan, serta di antara 10 buah negara teratas dari segi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Per Kapita. Perkara ini termasuk dalam tanggungjawab BEDB, di mana NBD dilihat sebagai destinasi pelaburan yang menarik bagi

Pelaburan Langsung Asing (FDI).

Pada masa ini, BEDB berjaya menarik beberapa pelaburan asing dan yang terbesar setakat ini adalah bersama Hengyi Industries Sdn. Bhd. melalui Projek Muara Besar. Melalui FDI ini, secara tidak langsung menawarkan pekerjaan bagi anak-anak tempatan dan ini merupakan aspek yang penting dalam menangani masalah pengangguran yang menjadi salah satu isu utama di negara ini.

Dalam hal ini, BEDB juga mengalu-alukan kerjasama dan buah fikiran daripada ahli akademik dalam sama-sama membantu untuk meningkatkan ekonomi negara, selain tertumpu kepada minyak dan gas.

Turut hadir pada sesi taklimat tersebut ialah Timbalan Rektor UNISSA; Penolong-penolong Rektor UNISSA; serta para Pegawai Utama UNISSA.





كمنترين كصيحتن  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MINISTRY OF HEALTH

## COVID-19 & MAKANAN

**Pada masa ini tidak ada bukti bahawa COVID-19 boleh disebarkan melalui pembungkusan makanan atau makanan.**

**Virus Corona tidak boleh membiak dalam makanan. Virus ini memerlukan hos haiwan atau manusia untuk membiak.**



**Virus corona berkemungkinan boleh berada di permukaan selama beberapa jam atau sehingga beberapa hari. Ini tertakluk kepada keadaan yang tertentu seperti jenis permukaan, suhu atau kelembapan persekitaran.**

**Langkah pembersihan & sanitasi yang baik boleh mengurangkan risiko dalam perkhidmatan makanan.**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Bahagian Kawalan Kualiti & Keselamatan Makanan di 2237414/417 semasa waktu berkerja

**Talian Nasihat Kesihatan 148**  
[www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn)